

04 OCT 1999

Mahathir-Seimbang

MALAYSIA TETAP LAKSANAKAN PROGRAM TINDAKAN MANTAP, KATA MAHATHIR

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

VICTORIA FALLS (Zimbabwe), 5 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata Malaysia tidak akan berhenti melaksanakan program tindakan mantapnya yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru, hanya kerana Tabung Kewangan Antarabangsa dan media Barat menganggap ia perlu berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata dasar itu membolehkan negara mencatat pertumbuhan secara seimbang.

Beliau berkata pengurusan ekonomi negara bukan sahaja untuk memperkayakan negara, kerana sesebuah negara boleh menjadi kaya tanpa kekayaan itu diagihkan sama rata.

"Kami berpendapat kami dapat maju secara seimbang dengan mematuhi objektif dasar itu, memandangkan kami kini dapat mengatasi percubaan untuk memusnahkan ekonomi dan kebebasan politik kami dengan menurunkan nilai matawang kami dan memiskinkan kami," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa menyampaikan ucap tama beliau mengenai "Pengalaman Malaysia Dalam Menguruskan Pemulihan Ekonomi Sambil Melindungi Tanggungjawab Sosial Ekonomi" pada jamuan malam perkongsian pintar bersempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) Ketiga, di sini.

Dr Mahathir berkata sebab sebenar pihak asing tidak menyukai tindakan mantap itu ialah kerana kebanyakan projek penswastaan yang sangat menguntungkan diserahkan kepada usahawan bumiputera dalam usaha menseimbangkan bilangan usahawan bukan bumiputera yang sangat kaya dan sangat berjaya.

"Dasar ini menghalang pihak asing daripada mendapat projek-projek penswastaan untuk diri mereka sendiri. Dan ini adalah bidang yang khususnya diminati mereka kerana mereka bermatlamat memonopolinya di seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata kemiskinan dan pematuan negara terhadap IMF akan membuka peluang itu kepada syarikat-syarikat asing.

"Tetapi kerajaan Malaysia tidak tunduk kepada IMF. Kami tidak akan mengetepikan dasar ekonomi baru kami, tindakan mantap kami," katanya.

Beliau berucap kepada ketua-ketua negara dan kerajaan serta wakil 14 anggota Masyarakat Pembangunan Selatan Afrika serta Uganda, Kenya dan Ghana.

Dialog tiga hari itu yang bertema "Perkongsian Pintar Bagi Generasi Kaya dan Penguasaan Ekonomi" dirasmikan malam tadi oleh Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, di bandaraya ini yang mempunyai air terjun setinggi 1.7 km, yang menarik ramai pengunjung dari seluruh dunia.

Dr Mahathir berkata kegawatan ekonomi yang berpunca daripada pedagang matawang dan manipulator pasaran saham memusnahkan banyak kejayaan Malaysia dalam membetulkan ketidakseimbangan prestasi ekonomi penduduk majmuknya.

Walaupun semua orang dilanda kegawatan ekonomi, ahli-ahli perniagaan bumiputera yang paling teruk terjejas dengan badan-badan korporat yang berjaya mereka bina tidak mampu menampung beban hutang, katanya.

Dr Mahathir berkata mereka terpaksa menjualnya kepada bukan bumiputera yang tidak banyak terlibat dalam kejayaan pengagihan semula.

"Kelas pertengahan bumiputera, yang kecil jika dibandingkan dengan bukan bumiputera, akhirnya hilang. Dan sekali lagi kami dapati bumiputera tergolong di kalangan pekerja bergaji murah, penjaja dan penjaja kecil," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia kini terpaksa memulakan semuanya sekali lagi dan ia bukan perkara yang mudah kerana sesetengah pihak telah melabelkan tindakan mantapnya sebagai kronisme.

Beliau berkata bagi pengkritik asing, tindakan mantap hanya akan memanfaatkan keluarga dan rakan anggota kerajaan terutamanya perdana menteri.

"Penjelasan yang diberikan bagi membuktikan perkara itu tidak berlaku, telah diketepikan. Media Barat, IMF dan agensi-agensi lain di Barat terus mengulangi bahawa Dasar Ekonomi Baru kami, yang bertujuan menyusun semula masyarakat majmuk kami, hanya memanfaatkan rakan-rakan dan keluarga kaya anggota kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata sebenarnya, dasar itu memberi manfaat kepada setiap bumiputera dan sejumlah besar bukan bumiputera.

"Sudah pasti dasar ini tidak dapat menjadikan semua orang sebagai jutawan kerana mereka mendapat manfaat mengikut kemampuan masing-masing," katanya.

Perdana Menteri berkata ekor tindakan mantap itu menghasilkan ahli-ahli perniagaan bumiputera yang sangat berjaya dan sangat kaya sambil menuduh mereka sebagai kroni kerajaan, pihak-pihak asing meminta supaya tindakan mantap itu dihentikan.

Dr Mahathir berkata di Malaysia, mungkin mudah untuk memberikan peluang kepada Cina Malaysia bukan bumiputera yang sangat dinamik dan berasaskan perniagaan untuk memperkayakan negara.

Tetapi, katanya, ini akan menyebabkan rakyat bumiputera terus miskin, berasa diketepikan dan akan bangkit menentang sesiapa sahaja yang mereka anggap sebagai orang asing yang mencuri kekayaan milik mereka.

"Selepas rusuhan kaum kami pada 1969, kami di Malaysia berazam untuk maju secara seimbang, dan Dasar Ekonomi Baru kami berjaya mencapai matlamat ini," katanya.

Dr Mahathir juga bercakap panjang lebar mengenai bagaimana serangan pedagang matawang dan manipulator pasaran saham telah menjejaskan ekonomi Malaysia dan pelbagai langkah yang diambil kerajaan bagi memulihkan ekonomi.

Beliau berkata langkah yang paling penting ialah dengan mengecewakan pedagang matawang dan menghentikan Central Limit Order Book (CLOB) di Singapura berhubung urusan niaga yang didagangkan secara haram dalam saham Malaysia.

-- BERNAMA

MAM NAK